

# 11 Komuniti UMS



## Buku Sangat Berpengaruh Dalam Kehidupan Manusia

oleh: Maslinda binti Haris

RABU, 21 MAC – Majlis Perasmian Pesta Buku dan Pelancaran Buku 2014 diadakan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada tahun ini bersempena dengan sambutan ke-20 tahun UMS.

Wakil ucapan aluan Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr Mohd. Harun Abdullah iaitu Puan Dayang Rukiah Ag. Amit yang merupakan Ketua Pustakawan Perpustakaan UMS merangkap Pengurus Bersama Pesta Buku UMS 2014 mengucapkan syabas kepada Koperasi UMS Berhad, Perpustakaan UMS dan Penerbit UMS kerana telah berjaya menganjurkan Pesta Buku UMS pada tahun ini.

Menurut beliau, pada hari ini masyarakat mempunyai pelbagai alternatif untuk mendapatkan maklumat dan ilmu pengetahuan lebih-lebih lagi dengan kehadiran teknologi maklumat, misalnya buku yang boleh diperoleh dalam bentuk e-book, jurnal dalam bentuk e-jurnal dan akhbar elektronik.

Sementara itu, maklumat-maklumat lain juga boleh diperolehi tersedia menerusi laman web dan blog. Walau bagaimanapun, buku fizikal masih tetap menjadi pilihan utama masyarakat.

Namun, sesetengah individu menganggap aktiviti membaca

buku sebagai aktiviti yang membosankan. Mereka tidak menyedari bahawa buku adalah wadah penting dalam membentuk kebebasan manusia berfikir dan berupaya mengangkat martabat manusia ke tahap yang lebih tinggi. Inilah yang dimaksudkan dengan modal insan berminda kelas pertama.

Dengan membaca, kita dapat mengasah fikiran dan mencambah idea. Maklumat yang diperoleh dapat meningkatkan pengetahuan atau ilmu, seterusnya memantapkan pemahaman terhadap kehidupan serta membuka minda untuk berfikir secara kritis dan kreatif.

"Saya menyeru kepada para pelajar agar memanfaatkan pameran yang dianjurkan bermula dari 17 Mac sehingga 23 Mac 2014 untuk membeli buku mahupun jurnal. Gunakanlah Baucar Buku bernilai RM 250 yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia secara berhemah dengan membeli bahan bacaan yang diperlukan dalam pembelajaran," katanya.

Beliau berharap agar pesta buku kali ini berjaya mencapai matlamatnya di samping membantu UMS menyemarakkan budaya membaca dan penyebaran ilmu.